

## PENGARUH KETAGIHAN GAJET DAN INTERNET TERHADAP KECERDASAN EMOSI PELAJAR

MUHARRAM ANUAR, R ZIRWATUL AIDA R IBRAHIM\* DAN MD ARIS SAFREE MD YASIN

Faculty of Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

\*Corresponding author: zirwatul@umt.edu.my

<http://doi.org/10.46754/umtjur.v4i4.337>

**Abstrak:** Gajet dan Internet telah membawa norma baharu dalam hampir semua aspek penting kehidupan. Tidak dinafikan banyak aspek positif daripada penggunaan gajet dan Internet namun, penggunaannya yang berlebihan boleh mengganggu perkembangan emosi. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengaruh ketagihan gajet dan Internet terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Dengan menggunakan persampelan rawak mudah, 370 pelajar sarjana muda telah dipilih sebagai responden bagi menjawab soal selidik iaitu *Smartphone Addiction Scale Short Version (SAS-SV)*, *Internet Addiction Test (IAT)* dan *USM Emotional Quotient Inventory (USMEQ-i)*. Analisis regresi berganda telah digunakan untuk mengukur pengaruh ketagihan gajet dan Internet terhadap kecerdasan emosi pelajar. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap ketagihan gajet, ketagihan Internet dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Dapatan daripada analisis inferensi iaitu regresi berganda menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara ketagihan gajet dengan Internet terhadap kecerdasan emosi pelajar. Hasil kajian ini akan menyumbang kepada literatur penentu kecerdasan emosi pelajar serta dapat memberi manfaat kepada usaha universiti untuk mengenal pasti tindakan yang relevan bagi memastikan kecerdasan emosi pelajar berada pada tahap yang lebih baik.

Kata kunci: Ketagihan gajet, ketagihan Internet, kecerdasan emosi, universiti, pelajar.

## THE INFLUENCE OF GADGETS AND INTERNET ADDICTION ON STUDENTS' EMOTIONAL INTELLIGENCE

**Abstract:** Gadgets and the Internet have brought new norms in almost all important aspects of life. Undoubtedly there are many positive aspects of gadgets and the Internet, however, excessive use can interfere with emotional development. This study aimed to examine the influence of gadgets and Internet addiction on emotional intelligence among students at Universiti Malaysia Terengganu (UMT). By using simple random sampling, 370 undergraduate students were selected as respondents to answer the questionnaires namely *Smartphone Addiction Scale Short Version (SAS-SV)*, *Internet Addiction Test (IAT)*, and *USM Emotional Quotient Inventory (USMEQ-i)*. Multiple regression analysis was used to measure the influence of gadgets and Internet addiction on students' emotional intelligence. The study found that the level of gadget addiction, Internet addiction, and emotional intelligence among students is high. Findings from the inferential analysis, which is multiple regression, show that there is a significant negative relationship between gadgets and Internet addiction to students' emotional intelligence. The results of this study will contribute to the literature on the determinants of student's emotional intelligence and can benefit the university's efforts to identify relevant actions to ensure that students' emotional intelligence is at a better level.

Keywords: Gadget addiction, Internet addiction, emotional intelligence, university, students.

## Pengenalan dan Permasalahan Kajian

Peranti yang biasa digunakan pada masa kini seperti telefon pintar, komputer tablet, dan komputer riba memerlukan sambungan Internet untuk memudahkan penggunaannya. Gajet merupakan sebuah objek atau alat elektronik kecil yang memiliki fungsi khusus serta dapat menjadikan gaya hidup manusia menjadi mudah dan praktis (Salmah & Malisah, 2015). Selari dengan perkembangan telefon pintar, rangkaian tanpa wayar juga turut berkembang dan dinamakan sebagai Internet. Ledakan informasi teknologi maklumat dan komunikasi atau juga dikenali sebagai *Information Communication Technology* (ICT) membawa manusia ke alaf baharu. Menurut Allan (2005), Internet ditakrifkan sebagai sekumpulan jaringan komputer yang terhubung satu sama lain dan dapat membaca serta menghuraikan pelbagai protokol komunikasi.

Namun, penggunaan yang tidak terkawal terhadap dua teknologi berkenaan mampu membawa kepada ketagihan dan memberi kesan kepada perkembangan kecerdasan emosi. Goleman (1998) menyatakan kecerdasan emosi merupakan kemampuan mengawal, mengelola diri sendiri dan orang lain dari aspek perasaan, emosi, dan tingkah laku. Maka, seseorang yang meluangkan masa yang panjang di depan skrin terutama gajet cenderung untuk berhadapan dengan kesukaran mengenali emosi (Ristiyani & Rahmawati, 2017). Bukan itu sahaja, individu yang ketagih terhadap penggunaan Internet dikatakan sukar untuk menyelesaikan tugas berkaitan dengan emosi (Engelberg & Sjoberg, 2004).

Penggunaan gajet dan Internet adalah seiring. Internet boleh diakses dengan menggunakan gajet. Ini bermakna, tanpa adanya gajet, Internet agak sukar untuk diakses. Purata skor penggunaan gajet khususnya telefon pintar oleh Nurbaidurah Ithnain *et al.* (2017) menunjukkan penggunaan yang tinggi berbanding beberapa kajian yang telah dijalankan sebelumnya dan ini menunjukkan satu peningkatan penggunaan. Penggunaan telefon pintar yang agak berlebihan dan tidak

terkawal boleh mendatangkan beberapa kesan negatif kepada penggunaannya.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh '*Norton Online Living Report (NOLR) di Malaysia*' yang dikendalikan oleh Saffron Hill bagi pihak Symantec berkaitan tabiat penggunaan Internet mendapati bahawa golongan remaja menghabiskan masa lebih kurang 16 jam seminggu untuk melayari Internet. Jumlah tersebut dinyatakan enam jam lebih banyak berbanding purata NOLR di peringkat global berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas 12 negara di dunia. Penggunaan Internet pada hujung minggu lebih tinggi dalam kalangan pelajar iaitu lebih kurang sembilan jam dan ke atas (Zahiruddin Othman & Chung Wah Lee, 2017).

Umum sedar bahawa ketagihan terhadap gajet dan Internet secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap kesihatan mental yang kemungkinan membawa kepada kesunyian dan mempengaruhi perkembangan emosi (Kok Chern, Fang Lan & Hui Ning, 2015). Sifat-sifat emosi boleh dikategorikan kepada dua iaitu emosi yang menyenangkan (positif) dan emosi yang tidak menyenangkan (negatif). Kepentingan aspek kecerdasan emosi selain kepintaran otak (IQ) adalah salah satu alat pengukuran serta penilaian kejayaan seseorang (Rosma Ayu Harun, Noriah Mohd Ishak & Saleh Mamat, 2016).

Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang pekerja berbanding dengan kecerdasan intelektual (80%) manakala kecerdasan intelek (20%) (Andrei Cortus, Camelia Stanciu & Alina Andreea Bulborea, 2012). Apabila seseorang itu ketagih dengan gajet dan Internet ia akan merosakkan kemampuan kecerdasan emosi untuk melaksanakan tugasnya sebagai domain dalam memproses maklumat bagi menyelesaikan masalah (Andrei *et al.*, 2012). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan ketagihan gajet dan Internet terhadap kecerdasan emosi pelajar. Maka, kajian ini dijalankan bagi melihat adakah gajet dan Internet dapat mempengaruhi perkembangan emosi para pelajar.

## Kajian Literatur

### *Ketagihan Gajet dan Internet*

Teknologi yang semakin berkembang dengan pesat membawa dunia ke alaf baharu. Antara teknologi gajet yang amat popular pada masa kini ialah telefon pintar. Teknologi yang canggih ini telah menjadi satu keperluan yang penting dalam kehidupan manusia (Afifa Aliya Ngadiman & Zakiah Mohamad Ashari, 2018). Hasil daripada kemajuan teknologi yang berkembang pesat ini bukan sahaja dapat mengembangkan dunia industri teknologi namun juga membantu perkembangan dunia pendidikan. Tetapi, teknologi canggih ini boleh mendatangkan pro dan kontra sekiranya penggunaannya tidak dikawal. Tomayo dan Dela Cruz (2014) menyatakan golongan muda menjadikan gajet sebagai peneman setia jika disambungkan dengan rangkaian Internet. Salmah dan Malisah (2015) menyatakan penggunaan gajet teknologi merupakan salah satu medium yang efektif dalam pendidikan kerana dilihat mampu memberi peluang kepada pembelajaran secara sendiri. Tambahan pula, pembelajaran menggunakan gajet mampu meningkatkan motivasi diri pelajar untuk belajar serta menyumbang kepada perkembangan intelektual (Alifa Aliya Ngadiman & Zakiah Mohamad Ashari, 2018). Hal demikian kerana gajet itu sendiri memiliki kepelbagaian fungsi serta perisian yang menjadikannya sebagai alat pelbagai fungsi.

Walaupun begitu, penggunaan gajet juga boleh mendatangkan kesan buruk sekiranya tidak digunakan secara sihat. Pendedahan yang terlalu lama terhadap pencahayaan skrin akan mempengaruhi tahap tumpuan penggunaannya. Oleh yang demikian, ia akan mengundang beberapa masalah lain seperti gangguan tidur akibat ketagihan penggunaan gajet, prestasi pembelajaran yang lemah dan merosot serta menghalang hubungan sosial antara rakan sebaya (Campaign for a Commercial-Free Childhood & Alliance for Childhood, 2012) dalam (Ernest *et al.*, 2014). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, para sarjana bersetuju bahawa gajet merupakan teknologi yang mampu memberi

kesan positif dan negatif terhadap kehidupan seharian. Namun begitu, Dr. Muhammad Iqbal Mohammad Sarwar (Konsultan Pediatrik dan Neonatologist) melalui *Utusan Online* berpendapat bahawa kebanyakan daripada kajian berkenaan menunjukkan kesan negatif yang lebih tinggi berbanding kesan positif.

Perubahan dunia masa kini menyebabkan penyampaian maklumat menjadi lebih pantas dengan menggunakan teknologi Internet (Muhammad Syazwan Ayub, Amirul Azha Rozali & Nurazamallail Marni, 2019). Kesan daripada kemajuan teknologi telah mengubah gaya hidup masyarakat dari aspek nilai, budaya, pemikiran, dan corak kehidupan dari aspek adat, tatasusila, dan agama (Sidek, 2003; Buang, 2005; Suhid, 2005; Nurrizka, 2006; Yaacob & Othman, 2007; Jasmi, Kamrul Azmi, Mohd Rashid & Nur Amirah, 2008). Menurut Awang Koding dan Zunaidah Tohalib (2018), pelajar universiti yang tinggal di dalam kampus lebih cenderung melayari Internet disebabkan wujud perkhidmatan Internet tanpa wayar yang disediakan oleh pihak universiti. Hal ini dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran harian.

Kemajuan dalam teknologi tidak terlepas daripada impak negatif. Penggunaan Internet akan menjadikan golongan remaja sukar melakukan pengubahsuaian emosi. Hall dan Parsons (2001) mengungkapkan ketagihan terhadap Internet akan memberi impak negatif kepada pengurusan emosi, pengurusan masa, tahap kesabaran serta membuat penilaian. Hal tersebut juga dinyatakan dalam kajian yang dijalankan oleh Louis Leung (2004). Namun begitu, penggunaan Internet dalam proses pembelajaran mempunyai kelebihan yang banyak. Hal demikian disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Iskandar dan Zaiton (2006) yang menunjukkan bahawa terdapat banyak maklumat yang boleh diperoleh melalui Internet. Internet juga dikatakan mampu menghilangkan tekanan yang wujud dalam diri pelajar melalui hiburan yang disediakan. Menurut Jerald (2008), rangkaian sosial yang wujud dalam Internet membantu golongan pelajar mengurangkan tekanan yang dihadapi dalam pembelajaran.

### ***Kecerdasan Emosi***

Berdasarkan konsep kecerdasan emosi (EI) yang dikemukakan oleh Goleman (1998) telah mendefinisikan KE sebagai kemampuan untuk mengawal dan mengelolakan diri sendiri dan orang lain dari aspek perasaan, emosi, dan tingkah laku. Hal demikian dikatakan berkait rapat dengan kebolehan seseorang dalam mengubah suai sesuatu tingkah laku bersesuaian dengan keadaan dan masa (Rosma Ayu Harun, Noriah Mohd Ishak & Salleh Amat, 2016). Berdasarkan buku yang ditulis oleh Goleman (1998) iaitu *'The Emotional Intelligence'* membuktikan bahawa kecerdasan emosi amat berkuasa malahan lebih berkuasa daripada *Intelligence Quotient (IQ)* dalam sebarang domain manusia. Dalam erti kata lain, kecerdasan emosi lebih mampu mencorakkan kehidupan manusia berbanding kecerdasan azali (sedia ada). Dari aspek saintifik, Salovey dan Sluyter (1997) dalam bukunya yang bertajuk *'Emotional Development and Emotional Intelligence'* mendefinisikan kecerdasan emosi (EQ) sebagai satu keupayaan untuk membuat penaaakuan emosi yang dibahagikan kepada empat perkara iaitu mempersepsi emosi, menyepadukan emosi dalam pemikiran, memahami emosi dan menguruskan emosi. Kecerdasan emosi boleh dikategorikan sebagai satu domain yang banyak mempengaruhi manusia dalam kehidupan seharian termasuk dalam menentukan bagaimana seseorang itu berperasaan, bertindak laku dan berfikir.

### ***Hubungan Ketagihan Gajet dan Ketagihan Internet Terhadap Kecerdasan Emosi***

Secara umumnya, masih kurang kajian yang dijalankan tentang hubungan antara gajet dengan kesannya terhadap kecerdasan emosi baik dalam negara mahupun luar negara. Emosi merupakan jendela utama dalam pembelajaran (Suriati Abdul Gani, 2016). Emosi mempengaruhi ketenangan, kesejahteraan dan keseimbangan kerana hal tersebut berkait rapat dengan perkembangan (Mildayani, 2017). Emosi juga dikatakan berkait dengan *mood*, perangai, personaliti, pelupusan (*disposition*), dan

motivasi (Hanakeri, Aminabhavi & Mamatha 2016). Hal ini bermakna, motivasi akan memberi tenaga kepada tingkah laku secara terus dan ia akan memberi kesan kepada emosi sama ada negatif atau positif. Pada umumnya, manusia bertindak laku dan bersikap berdasarkan keadaan emosi mereka ketika itu seperti emosi marah yang boleh membawa kepada tingkah laku memberontak, bergaduh, dan sebagainya (Mildayani, 2017).

Mildayani (2017) mendapati mereka yang ketagih dengan gajet cenderung bersifat agresif dan kurang kebolehan dalam mengawal emosi apabila diganggu ketika menggunakan gajet. Ia juga selari dengan Iskandar Agung, Ferdi, Widiputera dan Widodo (2019) yang menunjukkan penggunaan gajet akan menyebabkan seseorang individu kurang berinteraksi dan akan mengasingkan diri daripada rakan sebaya. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pelajar cenderung mengasingkan diri, bersikap agresif dalam bentuk serangan fizikal (*nonverbal*) dan cemuhan (*verbal*) seperti marah, memukul, menendang, dan sebagainya apabila mereka merasa diganggu oleh orang lain ketika menggunakan gajet (Iskandar Agung et al., 2019).

Tidak terlepas daripada pelbagai faedah yang diberikan oleh alat komunikatif ini dalam meningkatkan taraf kehidupan manusia, penggunaannya yang tidak terkawal boleh menyebabkan akibat yang tidak diingini, termasuk ketagihan kepada Internet (Kuss, Griffith, Karila & Billeux, 2014). Keadaan ini boleh mengganggu kehidupan pengguna yang ketagihan sama dengan bagaimana ubat-ubatan dan alkohol (Young, 1998). Mereka yang menghabiskan masa yang sangat lama, iaitu 20-80 jam seminggu atau lebih dari 15 jam menggunakan Internet berkemungkinan mereka menderita gangguan patologi seperti putus asa, pengasingan sosial, kegelisahan, dan kemurungan (Carli & Durkee, 2016). Lebih-lebih lagi, tabiat tidur yang buruk, merokok, pemakanan yang tidak seimbang, aktiviti fizikal yang kurang serta kecerdasan emosi yang rendah dianggap sebagai kesukaran lain yang

biasa ditemui pada orang yang ketagih dengan Internet (Oskenbay, Kalymbetova & Telegenova *et al.*, 2015).

Para sarjana mempercayai individu yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi mungkin kurang cenderung untuk ketagih terhadap Internet (Hamisi, Babaie, Hosseini & Babaie, 2013). Hal ini disebabkan oleh golongan tersebut mungkin dapat mengawal diri mereka sendiri atau emosi dan kegembiraan orang lain, serta membuat perbezaan dan pertimbangan antara emosi yang baik dengan emosi yang buruk. Ditambah lagi, mereka juga mungkin dapat memanfaatkan maklumat yang mereka peroleh untuk mengubah cara pemikiran dan tindakan mereka sendiri (Salovey & Sluyter, 1997). Kajian yang dijalankan di Sweden oleh Engelberg dan Sjoberg (2004) ke atas 41 orang pelajar universiti dengan menggunakan MSCEIT dalam menguji ketagihan Internet menunjukkan dapatan bahawa mereka yang mendapat markah tinggi dalam ketagihan Internet cenderung lemah dalam menyelesaikan tugas berkaitan emosi. Hal ini membuktikan, penggunaan Internet secara berlebihan boleh menyebabkan kegagalan dalam menguruskan emosi dengan baik.

## Metodologi Kajian

### *Sampel Kajian*

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan rawak mudah. Maka dengan itu, populasi kajian dalam kajian ini terdiri daripada pelajar Sarjana Muda di

Universiti Malaysia Terengganu (UMT). UMT memiliki seramai 10,529 pelajar pada peringkat Sarjana Muda (Laporan Statistik Pendidikan Tinggi 2018, KPM) dan daripada jumlah populasi tersebut, seramai 370 orang responden dipilih yang melibatkan 140 orang (32%) pelajar lelaki dan 298 orang (68%) pelajar perempuan (Jadual 1). Keseluruhan responden ialah pelajar yang berumur dalam lingkungan 19 tahun sehingga 34 tahun.

Majoriti responden berbangsa Melayu (n=314, 71.7%), diikuti dengan responden berbangsa Cina seramai 33 orang (7.5%). Responden berbangsa India dan Dusun memiliki jumlah yang sama seramai 23 orang (5.3%). Responden berbangsa Iban pula adalah seramai 16 orang (3.7%) manakala lain-lain seramai 29 orang (6.6%).

Analisis responden mengikut fakulti menunjukkan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) diwakili seramai 57 orang (13%), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTTKI) seramai 53 orang (12.1%), Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) seramai 52 orang (11.9%), Fakulti Pengajian Maritim (FPM) seramai 62 orang (14.2%) manakala Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) diwakili seramai 214 orang (48.9%).

Analisis tahun pengajian menunjukkan majoriti responden merupakan pelajar Tahun 3 (n=183, 41.8%) diikuti dengan pelajar Tahun 2 (n=146, 33.3%). Pelajar Tahun 1 adalah seramai 67 orang (15.3%) manakala pelajar Tahun 4 seramai 42 orang (9.6%).

Jadual 1: Demografi responden

Ciri-ciri Demografi	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	140	32.0
Perempuan	298	68.0
Umur		
19-22	225	51.4
23-26	208	47.5
27-30	2	0.5
31-34	3	0.7

Bangsa		
Melayu	314	71.7
Cina	33	7.5
India	23	5.3
Dusun	23	5.3
Iban	16	3.7
Lain-lain	29	6.6
Fakulti		
FSSM	57	13.0
FTKKI	53	12.1
FPSM	52	11.9
FPM	62	14.2
FPEPS	214	48.9
Tahun pengajian		
Tahun 1	67	15.3
Tahun 2	146	33.3
Tahun 3	183	41.8
Tahun 4	42	9.6

### ***Instrumen***

Instrumen kajian dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

#### **Bahagian A**

Bahagian A merupakan soal selidik berkaitan dengan profil responden yang merangkumi umur, bangsa, jantina, fakulti pengajian, dan tahun pengajian.

#### **Bahagian B**

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan Skala Ketagihan Telefon Pintar yang telah disemak semula iaitu Skala Ketagihan Telefon Pintar Versi Ringkas (SAS-SV). Skala Ketagihan Telefon Pintar atau *Smartphone Addiction Scale* (SAS) dibangunkan oleh Kwon *et al.* (2013) dan telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa di dunia termasuk Brazil dan Portugis (Fabianna *et al.*, 2018), bahasa Arab (Anis Sfindla *et al.*, 2018) dan versi bahasa Melayu diterjemahkan oleh Mooi Ching *et al.* (2020). Skala ini terdiri daripada enam faktor dan setiap faktor diakses melalui sepuluh item dengan menggunakan skala *Likert* enam mata iaitu (1: "sangat tidak setuju", 2: "tidak setuju", 3: "agak tidak setuju", 4: "agak setuju", 5: "setuju" dan 6: "sangat setuju") (Kwon *et al.*, 2013). Bacaan

kebolehpercayaan SAS-SV dikenal pasti dengan *Cronbach's alpha* pekali korelasi 0.87. Bagi pemarkahan, nilai *cut-off* bagi lelaki adalah 31 dan bagi perempuan adalah 33 (Kwon *et al.*, 2013). Bagi mereka yang mendapat markah lebih tinggi daripada nilai *cut-off* dianggap sebagai ketagihan telefon pintar. Bermakna semakin tinggi markah yang diperolehi, semakin tinggi ketagihan terhadap gajet.

#### **Bahagian C**

Ujian Ketagihan Internet (*Internet Addiction Test*) (IAT) yang dibangunkan oleh Young (1998) digunakan untuk mengukur tahap ketagihan Internet. Soal selidik ini memiliki 20 item yang menguji kehadiran dan keburukan penggunaan Internet dalam kalangan orang dewasa (Young, 1998) dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Chong Guan *et al.* (2012). Setiap item diakses menggunakan skala *Likert* lima mata bermula dari 0-5 (0: "jarang sekali", 1: "kadang-kala", 2: "sekali sekala", 3: "kerap", 4: "kerap kali", 5: "sentiasa"). Setelah *pilot test* dijalankan terhadap 30 orang responden, analisis kebolehpercayaan menunjukkan IAT memiliki konsistensi dalaman yang tinggi; bacaan *Cronbach's alpha* menunjukkan nilai pekali 0.87. Bagi pemarkahan, setiap item

dinilai pada skala lima mata antara 0-5. Skor maksimum adalah 100.

#### Bahagian D

USM *Emotional Quotient Inventory* (USMEQ-i) dibina untuk mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar di Malaysia dan ia dibangunkan oleh Saiful Bahri Yusuff, Ahmad Fuad dan Rahman Esa (2010). Kesemua item direka mengikut kesesuaian dan keserasian budaya serta nilai masyarakat tempatan di Malaysia (Saiful *et al.*, 2010). Analisis kebolehpercayaan berdasarkan kajian rintis menunjukkan USMEQ-i memiliki konsistensi dalaman yang tinggi; bacaan *Cronbach's alpha* menunjukkan nilai pekali 0.96. Bagi pemarkahan, individu yang mendapat markah 0-1.20 memiliki kecerdasan emosi yang rendah, 1.21-2.80 menggambarkan kecerdasan emosi sederhana dan 2.81-4.00 menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi. Jumlah keseluruhan markah akan dibahagikan kepada 39 dan jumlah markah yang maksimum adalah 40. Kaji selidik ini menggunakan skala *likert* lima mata bermula 0-5 (0: “tidak sama seperti saya”, 1: “sedikit sama seperti saya”, 2: “hampir sama seperti saya”, 3: “sama seperti saya”, 4: “sangat sama seperti saya”).

#### Data Analisis

Data yang dikumpul dan diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 2.6.0. Dua kaedah statistik digunakan daripada perisian iaitu analisis deskriptif dan juga analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan min dan peratusan bagi demografi responden. Analisis inferensi digunakan untuk menghuraikan hubungan antara pemboleh ubah kajian dan juga mengaitkannya dengan ciri-ciri sampel kepada populasi kajian. Oleh kerana kajian ini memiliki dua pemboleh ubah bebas dan satu pemboleh ubah bersandar maka analisis yang akan digunakan ialah Regresi Pelbagai (*Multiple Regression*). Jenis statistik yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini ialah korelasi *Pearson* bagi mengukur hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu ketagihan gajet dan ketagihan Internet dengan pemboleh ubah bersandar iaitu kecerdasan emosi.

#### Dapatan Kajian

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap ketagihan gajet.

Jadual 2: Tahap ketagihan gajet

Jantina	Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	Normal	19	13.6
	Tinggi	121	86.4
	<b>Jumlah</b>	<b>140</b>	<b>100.0</b>
Perempuan	Normal	70	23.5
	Tinggi	228	76.5
	<b>Jumlah</b>	<b>298</b>	<b>100.0</b>

Taburan responden bagi tahap ketagihan gajet dalam kalangan pelajar di UMT adalah berbeza bagi pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki yang memperolehi markah 0-31 dikategorikan sebagai normal manakala, mereka yang mendapat markah 32 dan ke atas dikategorikan sebagai ketagihan teruk. Bagi pelajar perempuan pula, mereka yang memperolehi markah 0-33 dikategorikan sebagai

normal dan mereka yang mendapat markah lebih daripada 34 dikategorikan sebagai ketagihan teruk. Jumlah responden mengikut jantina dalam kajian ini adalah lelaki seramai 140 orang responden dan perempuan seramai 298 orang responden.

Taburan responden bagi tahap ketagihan gajet dalam kalangan pelajar lelaki di UMT menunjukkan seramai 19 (13.6%) orang pelajar

daripada jumlah responden berada pada tahap normal. Selebihnya, iaitu seramai 121 (86.4%) orang pelajar berada pada tahap ketagihan teruk. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 70 (23.5%) orang responden berada pada tahap normal dan selebihnya berada pada tahap ketagihan gajet

yang teruk dengan jumlah seramai 228 (76.5%) orang responden daripada jumlah keseluruhan (Jadual 2). Dapat disimpulkan bahawa, majoriti pelajar bagi kedua-dua kategori jantina berada pada tahap ketagihan gajet yang teruk. Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap ketagihan Internet.

Jadual 3: Tahap ketagihan Internet

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Normal	2	0.5
Rendah	26	5.9
Sederhana	162	37.0
Tinggi	248	56.6
<b>Jumlah</b>	<b>438</b>	<b>100.0</b>

Taburan responden bagi tahap ketagihan Internet dalam kalangan pelajar menunjukkan seramai dua orang (0.5%) daripada jumlah responden berada pada tahap normal. Seramai 26 (5.9%) orang pelajar berada pada tahap ketagihan rendah. Bagi ketagihan sederhana,

seramai 162 (37.0%) orang responden daripada jumlah keseluruhan. Manakala seramai 248 (56.6%) orang pelajar berada pada tahap ketagihan tinggi. Berdasarkan analisis ini, majoriti pelajar berada pada tahap ketagihan Internet yang tinggi. Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap kecerdasan emosi.

Jadual 4: Tahap kecerdasan emosi

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	0	0
Sederhana	109	24.9
Tinggi	329	75.1
<b>Jumlah</b>	<b>438</b>	<b>100.0</b>

Taburan responden bagi tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di universiti menunjukkan seramai 109 (24.9%) orang pelajar memiliki kecerdasan emosi pada tahap sederhana. Manakala, seramai 329 (75.1%) orang pelajar berada pada tahap kecerdasan

emosi yang tinggi. Tidak ada pelajar yang berada pada tahap kecerdasan emosi yang rendah. Dapat disimpulkan, para pelajar di UMT memiliki tahap kecerdasan emosi yang baik. Jadual 5 dan Jadual 6 menunjukkan analisis korelasi antara pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini.



Jadual 5: Hubungan antara ketagihan gajet dan kecerdasan emosi

Pemboleh Ubah	N	r	P
Ketagihan gajet	438	-.405**	.000
Kecerdasan emosi			

Hubungan antara ketagihan gajet dan kecerdasan emosi telah dianalisis menggunakan *Korelasi Pearson*. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang negatif antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu ( $r=-.405^*$ ,

$p<0.01$ ). Hal ini menunjukkan bahawa hipotesis yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap ketagihan gajet dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di UMT adalah diterima.

Jadual 6: Hubungan antara ketagihan Internet dengan kecerdasan emosi

Pemboleh Ubah	N	r	P
Ketagihan Internet	438	-.437**	.000
Kecerdasan emosi			

Hubungan antara ketagihan Internet dengan kecerdasan emosi telah dianalisis menggunakan *Korelasi Pearson*. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang negatif antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu ( $r=-.437^*$ ,  $p<0.01$ ). Hal ini menunjukkan bahawa hipotesis yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap ketagihan Internet dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di UMT adalah diterima.

melihat adakah ketagihan gajet dan ketagihan Internet merupakan faktor peramal yang mempengaruhi kecerdasan emosi.

Bagi melihat adakah terdapat pengaruh yang signifikan antara ketagihan gajet dan ketagihan Internet terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar telah dianalisis dengan menggunakan *Multiple Regression*. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu ketagihan gajet dan ketagihan Internet dapat menerangkan sebanyak 19.8% varians kecerdasan emosi.

Jadual 7, Jadual 8 dan Jadual 9 menunjukkan analisis regresi berganda untuk

Jadual 7: Bacaan R Square

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.445 <sup>a</sup>	.198	.194	.86586

a. Peramal: (Constant), ketagihan gajet, ketagihan Internet

b. Pemboleh ubah bersandar: Kecerdasan emosi

Seterusnya, hasil analisis menunjukkan regresi ini adalah signifikan dari 0,

$F(2,435=53.69)$ ,  $p<.05$ . Jadual 8 menunjukkan keputusan bacaan *Anova* yang telah dijalankan.

Jadual 8: Bacaan *Anova*

	<i>Model</i>	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>
1	<i>Regression</i>	80.511	2	40.255	53.695	.000 <sup>b</sup>
	<i>Residual</i>	326.123	435	.750		
	<b>Jumlah</b>	<b>406.634</b>	<b>437</b>			

- a. Pemboleh ubah bersandar: Kecerdasan emosi  
 b. Peramal: (*Constant*), ketagihan gajet, ketagihan Internet

Pemeriksaan ke atas nilai *t* menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar tersebut menyumbang kepada kecerdasan emosi. Kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu ketagihan gajet dan ketagihan Internet adalah berkait secara negatif dan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar

iaitu kecerdasan emosi. Pekali regresi ketagihan Internet adalah paling tinggi iaitu -.319. Hal ini menunjukkan bahawa pekali regresi di populasi dari mana sampel diperoleh adalah positif ( $t = 28.352$ ;  $p < 0.05$ ). Nilai Beta (*B*) menunjukkan bahawa pekali korelasi bagi ketagihan Internet (-.319) adalah lebih tinggi berbanding dengan ketagihan gajet (-.145).

Jadual 9: Bacaan *coefficient*

<i>Model</i>	<i>Unstandardized Coefficients</i>		<i>Standardized Coefficients</i>	<i>t</i>	<i>Sig.</i>
	<i>B</i>	<i>Std. Error</i>	<i>Beta</i>		
(Constant)	5.437	.192		28.352	.000
1 Ketagihan gajet	-.146	.075	-.145	-1.951	.050
Ketagihan Internet	-.320	.075	-.319	-4.296	.000

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga hipotesis yang dibuat adalah diterima. Terdapat hubungan negatif yang signifikan antara ketagihan gajet dan ketagihan Internet terhadap kecerdasan emosi pelajar di universiti.

### Perbincangan

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengaruh ketagihan gajet dan ketagihan Internet terhadap kecerdasan emosi pelajar di UMT. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap ketagihan gajet, tahap ketagihan Internet dan tahap kecerdasan emosi pelajar di UMT. Berdasarkan dapatan kajian yang telah diperoleh melalui analisis deskriptif, majoriti responden berada pada tahap ketagihan gajet yang tinggi bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan. Hasil dapatan ini selari dengan

Perry dan Kevin (2007) di mana tidak terdapat perbezaan tahap ketagihan penggunaan telefon pintar antara lelaki dengan perempuan. Namun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan dapatan yang tidak konsisten. Antaranya Chiu, Hong dan Chiu (2013) menyatakan bahawa golongan wanita memiliki kecenderungan ketagihan yang lebih tinggi terhadap telefon pintar berbanding golongan lelaki. Hal ini turut dinyatakan oleh Park dan Lee (2014) dan Choi et al. (2015).

Ketagihan gajet memberi impak yang sangat besar kepada pelajar atau mahasiswa di universiti. Salah satu penyebab utama kepada tingginya tahap ketagihan gajet dalam kalangan mahasiswa adalah mereka mengabaikan kesan buruk penggunaan gajet secara berlebihan, obses terhadap gajet dan mengabaikan kesan

buruk kepada kesihatan walaupun mereka menyedarinya kerana lebih mengutamakan kebanyakannya (Al-Barashdi *et al.*, 2016).

Kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar di universiti swasta di Malaysia menunjukkan majoriti pelajar atau mahasiswa bersetuju bahawa penggunaan gajet menyebabkan pening kepala, hilang daya perhatian mental dan emosi serta mengalami gangguan tidur (Kumar, 2011). Bukan itu sahaja, pelajar yang meluangkan masa yang banyak dengan bermain telefon pintar akan lebih mudah terdedah dengan gangguan psikologikal termasuk gangguan emosi. Hal ini membuktikan ketagihan gajet yang tidak terkawal boleh menyebabkan kesan buruk bukan sahaja kepada emosi, namun juga kepada sosial, psikologi, dan juga fizikal.

Bagi tahap ketagihan Internet berdasarkan analisis, majoriti pelajar berada pada tahap ketagihan Internet yang tinggi. Hasil kajian ini berbeza dengan dapatan Johari Hassan dan Raja Shahrina (2012) yang menunjukkan hanya sedikit sahaja golongan pelajar yang ketagih dengan Internet yang tinggi iaitu sebanyak 7.5% dan selebihnya adalah mereka yang berada pada tahap ketagihan ringan iaitu sebanyak 45.7% daripada 265 orang responden. Bukan itu sahaja, kajian oleh Rafidah (2010) dan Faridah (2013) juga menunjukkan hasil yang berbeza.

Penggunaan Internet adalah suatu keperluan kerana mahasiswa menggunakannya untuk mencari bahan pembelajaran dan bahan rujukan. Namun begitu, ramai mahasiswa yang menyalahgunakan Internet untuk mengakses laman sesawang berunsurkan hiburan, menonton drama, permainan video dalam talian, dan pornografi (Howard *et al.*, 2018). Hal ini bukan sahaja menyebabkan ketagihan yang sukar untuk dikawal tetapi juga akan memberi kesan kepada perkembangan emosi dan mental mahasiswa. Oleh itu, memiliki emosi yang stabil dan baik amat penting bagi mereka. Namun, apabila mahasiswa menyalahgunakan Internet dan mula ketagih, hal ini akan mengganggu tumpuan dan fokus belajar mahasiswa semasa kuliah sedang dijalankan dan mereka juga akan

memiliki kesukaran untuk memahami pelajaran serta mengambil mudah tugas yang diberikan (Soh, Koay & Lim, 2018).

Dari aspek kecerdasan emosi menunjukkan majoriti pelajar berada pada tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Hal ini menunjukkan mahasiswa di UMT memiliki kecerdasan emosi yang sangat baik. Mereka memahami emosi yang hadir serta tahu bagaimana untuk mengekspresikannya, menggunakan emosi, memahami emosi, dan menguruskan emosi seperti yang telah dikemukakan oleh Mayer dan Salovey (1990). Jeya Amantha Kumar (2019) dalam kajiannya menunjukkan majoriti responden berada pada tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Kajian yang dijalankan oleh Suzyliana Mamat (2016) ke atas pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) juga menunjukkan hasil dapatan yang serupa.

Mahasiswa sering dimomokkan dengan kepercayaan bahawa mereka yang memiliki kecerdasan intelek sahaja yang akan berjaya dalam kehidupan namun tanpa kita sedari, sebenarnya kecerdasan emosi juga merupakan kayu pengukur kepada kejayaan seorang individu dalam kehidupannya yang kompleks termasuk dalam dunia pekerjaan (Goleman, 1995). Maka dari itu, mahasiswa perlu sedar akan kepentingan dan pengaruh kecerdasan emosi dalam kehidupan. Tanpa adanya kecerdasan emosi yang baik, kemungkinan mahasiswa sukar untuk menempuhi alam pembelajaran. Kecerdasan emosi bukanlah kecerdasan yang diperoleh sejak lahir. Namun, kecerdasan emosi merupakan kecerdasan yang boleh dikembangkan dan ditingkatkan melalui proses latihan serta pendidikan (Mayer & Salovey, 1999).

Terdapat hubungan negatif yang signifikan antara tahap ketagihan gajet dengan kecerdasan emosi pelajar di UMT. Mildayani (2017) yang telah mengkaji tentang hubungan antara ketagihan gajet dengan kecerdasan emosi menunjukkan mereka yang ketagih gajet cenderung gagal untuk mengendalikan emosi dengan baik dan menjadikan mereka lebih agresif. Walaupun ketagihan gajet hanya

memberi kesan yang tidak besar kepada kecerdasan emosi, namun ia boleh menjadi sangat teruk sekiranya tidak dikawal pada peringkat awal. Rahmadi (2017) menyatakan semakin tinggi tahap ketagihan seseorang terhadap gajet, semakin rendah tahap kecerdasan emosi pelajar tersebut. Hal ini demikian kerana seseorang yang meluangkan masa yang panjang di depan skrin terutama gajet cenderung untuk berhadapan dengan kesukaran mengenali emosi (Ristiyani & Rahmawati, 2017). Hasil kajian melalui analisis regresi berganda juga menunjukkan bahawa ketagihan gajet juga memberi pengaruh kepada kecerdasan emosi pelajar.

Terdapat hubungan negatif yang signifikan antara ketagihan Internet dengan kecerdasan emosi pelajar di UMT. George dan Murali (2007) yang menggunakan kaedah analisis korelasi *Pearson* dalam melihat hubungan antara ketagihan Internet dengan kecerdasan emosi menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kedua-duanya. Hal ini juga selari dengan Verma dan Arora (2019) di mana mereka yang ketagih dengan Internet akan mudah berhadapan dengan tekanan, kebimbangan serta kemurungan yang secara tidak langsung akan memberi kesan kepada kecerdasan emosi. Bukan itu sahaja, mereka yang memiliki kecerdasan emosi yang baik juga dikatakan akan memberi kesan kepada persekitaran mereka termasuklah, keluarga, kehidupan sebagai seorang pelajar dan kehidupan di tempat kerja (Verma & Arora, 2019). Hal ini bermakna, para pelajar akan lebih mudah untuk fokus dalam pembelajaran sekiranya mereka memiliki kecerdasan emosi yang tinggi.

Kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu ketagihan gajet dan ketagihan Internet memberi pengaruh kepada pemboleh ubah bersandar iaitu kecerdasan emosi. Desiningrum, Indriana dan Siswanti (2017) menyatakan bahawa kekerapan penggunaan gajet boleh merosakkan perkembangan emosi dalam kalangan remaja yang mengakibatkan kesukaran dalam berempati, mengekspresi, dan menguruskan emosi dengan baik. Bukan

itu sahaja, hasil kajian lain juga menyatakan bahawa, terdapat hubungan yang kuat antara penggunaan Internet berlebihan dengan kesunyian dan kecerdasan emosi (Limonero et al., 2006). Kajian-kajian ini membuktikan bahawa kecerdasan emosi juga dipengaruhi oleh sejauh mana seseorang itu menggunakan gajet teknologi serta Internet dalam kehidupan sehariannya. Namun, Reiso, Gedik dan Goktas (2013) menyatakan bahawa ketagihan kepada Internet bukanlah faktor peramal yang mempengaruhi kecerdasan emosi namun wujud faktor lain yang boleh mempengaruhi kecerdasan emosi iaitu sikap individu itu sendiri dan perbezaan latar belakang budaya seseorang (George & Murali, 2007).

Melihat kepada teori pembelajaran tingkah laku iaitu teori pelaziman operan oleh B. F Skinner, individu yang ketagihan gajet dan Internet sehingga menjejaskan emosi mereka ialah kerana wujud peneguhan positif yang bersifat ganjaran (*reward*), peneguhan negatif dan hukuman hasil daripada tingkah laku yang dilakukan. Menurut Ferris Craig (2002), seseorang yang ketagih dengan gajet dan Internet adalah disebabkan wujud peneguhan positif dan negatif daripada tingkah laku mereka sehingga menyebabkan ketagihan. Peneguhan positif berlaku apabila pelajar menggunakan gajet dan Internet sebagai peranti yang memudahkan mereka melaksanakan tugas yang diberikan. Maka, setiap kali ada tugas baharu, mereka akan menggunakan gajet dan Internet bagi menyiapkan tugas tersebut. Peneguhan negatif pula berlaku apabila para pelajar sudah terbiasa menggunakan gajet dan Internet sebagai peranti yang memudahkan mereka. Apabila mereka tidak menggunakan gajet dan Internet, mereka berasa bimbang dan takut tugas tersebut tidak siap mengikut masa yang ditetapkan. Maka, untuk menghilangkan rasa bimbang dan takut tersebut, pelajar menggunakan peranti gajet dan Internet untuk memudahkan mereka menyiapkan tugas yang diberikan.

Dalam pada itu, apabila tingkah laku ini berlaku secara berterusan, ia akan membawa kepada ketagihan dan memberi kesan secara

langsung kepada kecerdasan emosi. Menurut Young (1998), mereka yang memiliki tahap ketagihan yang tinggi terhadap Internet cenderung sukar untuk berhadapan dengan tugas yang melibatkan emosi. Hal ini menunjukkan bahawa tingkah laku ketagihan ini boleh menyukarkan seseorang untuk memahami emosinya sendiri. Bukan itu sahaja, Bar-On (1997) menjelaskan bahawa seseorang yang memiliki ketagihan akan mengalami kesukaran dalam aspek pengurusan emosi dan penyesuaian diri dalam persekitaran.

### Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, pengkaji mendapati bahawa keputusan keseluruhan kajian yang diperoleh adalah tidak banyak berbeza dengan kajian-kajian lain yang telah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu. Setiap individu sama ada pelajar mahupun pekerja seharusnya sentiasa sedar akan tahap ketagihan mereka terhadap teknologi gajet dan Internet kerana ia dapat memberi kesan buruk kepada perkembangan emosi. Kesedaran ini amat penting supaya mereka sendiri sedar dan dapat membendung diri daripada menghadapi masalah kesihatan mental dan emosi seperti kesunyian, kemurungan, tekanan, dan kebimbangan.

Kajian yang dijalankan ini adalah sebuah kajian yang dapat memberi implikasi yang sangat besar terutama kepada pelajar, pihak UMT sendiri serta memberi sumbangan terhadap bidang ilmu yang dikaji. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan lanjutan yang boleh diaplikasikan bagi menambah baik kajian ini pada masa akan datang. Antara beberapa cadangan dan saranan yang boleh dipertimbangkan oleh pengkaji yang mengkaji skop yang sama pada masa akan datang ialah melaksanakan kajian ini dalam bentuk kaedah penelitian longitudinal. Hal ini demikian kerana kaedah penelitian longitudinal merupakan kaedah mengumpul data bagi setiap pemboleh ubah pada dua atau lebih jangka waktu tertentu, subjek atau kes yang dianalisis sama atau setidaknya dapat dibandingkan antara satu jangka masa dengan jangka masa lainnya

dan analisis melibatkan perbandingan data yang sama bagi masa dan kaedah yang berbeza. Bukan itu sahaja, pengkaji juga boleh meluaskan skop kajian kepada pelajar universiti di Malaysia. Hal ini bertujuan untuk memperoleh hasil kajian yang lebih tepat tentang pengaruh ketagihan gajet dan ketagihan terhadap kecerdasan emosi pelajar atau mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Akhir sekali, menggunakan kaedah berbentuk *mixed-method* yang merujuk kepada metodologi kajian yang muncul dalam kajian bersistematis yang menggabungkan dua data daripada dua kaedah yang berbeza iaitu data kuantitatif dan data kualitatif. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat menjadi penyumbang serta dijadikan sumber rujukan bagi kajian-kajian yang akan datang.

### Rujukan

- Agung, I., Widiputera, F., & Widodo, W. (2019). The effect of the use of gadget on psychosocial, socio-emotional, self-reliance, responsibility, and students learning result in elementary school. *Education Quarterly Reviews*, 2(1), 279-291.
- Al-Barashdi. (2016). Smartphone addiction among university undergraduates: A literature review. *Journal of Scientific Research and Reports*, 4(3), 210-225.
- Alifa Aliya Ngadiman & Zakiah Mohamad Ashari. (2018). Sikap terhadap gajet teknologi dan kesanya kepada sosio-emosi pelajar: Kajian meta-analisis. *Sains Humanika*, 10(3-2), 89-94.
- Allan. (2005). *Pengertian Internet dan Asal Usul dari Kata Internet*. Surabaya: Penerbit Indah.
- Andrei Cortus, Camelia Stanciu, & Alina Andreea Bulborea. (2012). EQ vs. IQ which is most important in the success or failure of a student? *Social and Behavioral Sciences*, 46, 5211-5213.
- Awang K., & Zunaidah T. (2018). Hubungan antara ketagihan internet dengan pencapaian

- akademik dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *Prosiding Konvensyen Kepengetuan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan 2018*. 420-428. Governans, Institusi & Pengurusan Kewangan. <https://www.ukm.my/mapum/wp-content/uploads/2018/07/KERTAS-45.pdf>
- Bar-On. (1997). *Emotional quotient inventory: Technical manual*. Toronto: Multi-Health System.
- Buang, A. (2005). Globalisasi ekonomi dan impaknya kepada ruang budaya bandar di Malaysia. *GEO-GRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 1, 46-55.
- Carli, V., & Durkee, T. (2016). Pathological use of the Internet. *E-Mental Health*, 269-288.
- Ching, S. M., Yee, A., Ramachandran, V., Sazly Lim, S. M., Wan Sulaiman, W. A., Foo, Y. L., & Hoo, F. K. (2015). Validation of a Malay version of the smartphone addiction scale among medical students in Malaysia. *PLOS ONE*, 10(10), e0139337. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0139337>
- Chiu, S. I., Hong, F. Y., & Chiu, S. L. (2013). An analysis on the correlation and gender difference between college student's Internet addiction as well as mobile phone addiction in Taiwan. *ISRN Addiction*, 2013(5), 1-10. <http://dx.doi.org/10.1155/2013/360607>
- Choi, S. W., Kim, D. J., Choi, J. S., Ahn, H., Choi, E. J., Song, W. Y., Kim, S., & Youn, H. (2015). Comparison of risk and protective factors associated with smartphone addiction and Internet addiction. *Journal of Behavioral Addictions*, 4(4), 308-314. <https://doi.org/10.1556/2006.4.2015.043>
- Chong Guan N., Saramah, M. I., Aili, H. H., Subash, K. P., & Marveen, K. H. S. (2012). Validity of the Malay version of the Internet addiction test: A study on a group of medical students in Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Public Health*, 27(2), NP2210-NP2219. <https://doi.org/10.1177/1010539512447808>
- Engelberg, E., & Sjoberg, L. (2004). Internet use, social skills and adjustment. *Cyberpsychology & Behavior: The Impact of the Internet, Multimedia and Virtual Reality on Behavior and Society*, 7(1), 41-47. <https://doi.org/10.1089/109493104322820101>
- Ernest, J. M., Cousey, C., Newton, A. B., Sharkins, K., Summerlin, J., & Albaiz, N. (2014). Extending the global dialogue about media, technology, screen time and young children. *Childhood Education*, 90(3), 182-191. <https://doi.org/10.1080/00094056.2014.910046>
- Fabiana, F. M., Ester, M. D. C., Elisa, B. P., Adriana, P., & Delaine, R. B. (2019). Translation of the short version of the smartphone addiction scale into Brazilian Portuguese: Cross-cultural adaptation and testing of measurement properties. *Brazilian Journal of Physical Therapy*, 23(3), 250-256. <https://doi.org/10.1016/j.bjpt.2018.08.013>
- Faridah, M. (2013). Sikap pelajar kolej komuniti Kuala Terengganu terhadap penggunaan dan ketagihan Internet. *Persidangan Pendidikan*, 322-345.
- Ferris Craig F. (2002). Vasopressin/oxytocin and aggression. *Molecular Mechanisms Influencing Aggressive Behaviour: Novartis Foundation Symposium*, 268, 190-253.
- George S., & Murali V. (2007). Lost online: An overview of internet addiction. *Advanced Psychiatric Treatment*, 13(1), 24-30.
- Goleman. (1995). *Emotional intelligence*. New York: Bantam.
- Goleman. (1998). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam.
- Hall, A. S., & Parsons, J. (2001). Internet addiction: College student case study using best practices in cognitive behavior therapy. *Journal Mental Health Counseling*, 23(4), 312-327. <https://link.gale.com/apps/doc/A80553851/AONE?u=googlescholar&sid=bookmark-AONE&xid=886360a9>

- Hamisi, J., Babaie, M., Hosseini, M., & Babaie, F. (2013). The relationship between emotional intelligence and technology addiction among university students. *International Journal of Collaborative Research on Internal Medicine & Public Health*, 5(5), 10-19. <https://www.iomcworld.org/articles/the-relationship-between-emotional-intelligence-and-technology-addiction-among-university-students.pdf>
- Iskandar, A. R., & Zaiton I. Z. (2006). *Rakan Internet. Panduan penggunaan Internet* (1st ed.). Selangor: Venton Publishing.
- Jasmi, K. A., & Nur Amirah Mohd Rashid (2008). Kesan negatif globalisasi terhadap wanita Islam dan penyelesaiannya. Dalam Arieff Salleh (Ed.), *Isu wanita dalam perundangan Islam*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jerald, J. B. (2008). Am I psychiatry. *The American Journal of Psychiatry*, 306-307.
- Jeya Amantha Kumar. (2019). Exploring engineering undergraduates' emotional intelligence: A gender comparison study in Malaysia. In Z. Bekirogullari, M. Y. Minas, & R. X. Thambusamy (Eds.), *ICEEPSY 2018: Education and Educational Psychology, European Proceedings of Social and Behavioural Sciences* (Vol. 53, pp. 198-210). Future Academy. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.01.20>
- Johari H., & Raja Shahrina R. A. R. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 23-43.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Statistik Pendidikan Tinggi 2018: Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kok Chern W., Fang Lan T., & Hui Ning S. (2015). *A study of the relationship between smartphone addiction and loneliness among male and female undergraduates in UTAR* [Bachelor's dissertation, Universiti Tunku Abdul Rahman]. Kampar, UTAR.
- Kumar L. R. (2011). Awareness of mobile phone hazards among university students in a Malaysian medical school. *Health*, 3(7), 406-415. <http://dx.doi.org/10.4236/health.2011.37068>
- Kuss D., Griffiths M., Karila L., & Billieux J. (2014). Internet addiction: A systematic review of epidemiological research for the last decade. *Current Pharmaceutical Design*, 20(25), 4026-4052. <https://doi.org/10.2174/13816128113199990617>
- Kwon, M., Lee, J. Y., Won, W. Y., Park, J. W., Min, J. A., Hahn, C., Gu, X., Choi, J. H., & Kim, D. J. (2013). Development and validation of a Smartphone Addiction Scale (SAS). *PLOS ONE*, 8(2), e56936. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0056936>
- Leung L. (2004). Net-generation attributes and seductive properties of the Internet as predictors of online activities and Internet addiction. *Cyberpsychology & Behavior: The Impact of the Internet, Multimedia and Virtual Reality on Behavior and Society*, 7(3), 333-348. <https://doi.org/10.1089/1094931041291303>
- Mildayani, S. (2017). Influence of gadget usage on children's social-emotional development. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 169, 224-227.
- Muhammad, S. A., Amirul, A. R., & Nurmallail, M. (2019). Media sosial dan kecanduan penggunaan menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019*, 313-330.
- Nurbaidurah, I., Shazli, E. G., & Norafizah, J. (2017). Ketagihan telefon pintar dalam kalangan mahasiswa. *Malaysian Journal of Youth Study*, 18, 131-143. <https://www.iyres.gov.my/malaysian-journal-of-youth-studies-2019/2018/207-vol-18-jun/1735-ketagihan-telefon-pintar-dalam-kalangan-mahasiswa>

- Nurriška, A. F. (2016). Peranan media sosial di era globalisasi pada remaja di Surakarta suatu kajian teoritis dan praktis terhadap remaja dalam perspektif perubahan sosial. *Jurnal Analisa Sosiologi*, 5(1), 406-411. <https://doi.org/10.20961/jas.v5i1.18198>
- Oskembay, F., Kalymbetova E., Tolegenova A., Kabakova, M., Bakiyeva, S., & Nugamanova S. (2015). Addictive behavior among adolescent. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 171, 406-411. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.01.140>
- Park, N., & Lee H. (2014). Gender difference in social networking on smartphone: A case study of Korean college student smartphones users. *International Telecommunications Policy Review*, 21(2), 1-18. <https://ssrn.com/abstract=2584824>
- Perry, S. D., & Kevin, L. C. (2007). Mobile phone text messaging overuse among developing world university students. *Communication: South Africal Journal for Communication Theory and Research*, 33(2), 63-79. <https://doi.org/10.1080/02500160701685417>
- Rafidah H. I. (2010). *Hubungan akrab remaja dan Internet dalam pendidikan remaja satu kajian kes*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rahmadi, A. (2017). Relationship between the level of gadget addiction and emotional and behavioural disorders of adolescents aged 11-12 years. *Journal: Dipenegoro Medicine*, 1(1), 2540-8844.
- Ristiyani, E. K., & Rahmawati, R. (2017). The relationship of the addiction level of the use of social networking applications to the emotional intelligence of students in grade V up to a cluster in Sedayu, Bantul, Yogyakarta. *Indonesian Journal of PGSD*, 1-7.
- Harun, R. A., Mohd Ishak, N., & Amat, S. (2016). Kecerdasan emosi sebagai faktor penyumbang kepada kepimpinan ahli majlis eksekutif pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 65-76. <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/268>
- Saiful, B. Y., Ahmad, F., & Rahman, E. (2010). *The USM Emotional Quotient inventory (USMEQ-i) manual*. Penang: KKMED Publications.
- Salmah, O., & Malisah, L. (2015). Pengaruh peranti teknologi kepada perkembangan sosial dan permasalahan kesihatan kanak-kanak. *Scribd*, 1-12.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence. *Imagination, Cognition and Personality*, 9(3), 185-211. <https://doi.org/10.2190/DUGG-P24E-52WK-6CDG>
- Salovey P., & Sluyter D. J. (1997). *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications*. Connecticut: Basic Books.
- Sfendla, A., Laita, M., Nejjar, B., Souirti, Z., Touhami, A. A. O., & Senhaji, M. (2018). Reliability of the Arabic smartphone addiction scale and smartphone addiction scale-short version in two different Moroccan samples. *Cyberpsychology, Behaviour and Social Network*, 21(5), 325-332. <https://doi.org/10.1089/cyber.2017.0411>
- Shaffer, H. J., Tom, M. A., Wiley, R. C., Wong, M. F. Y., Chan, E. M. L., Cheng, G. L. F., Lo, C. K. M., Ma, E. K. Y., Wong, R. H. Y., & Lee, M. (2018). Using the syndrome model of addiction: A preliminary consideration of psychological states and traits. *International Journal of Mental Health and Addiction*, 16(6), 1373-1393. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1007/s11469-018-9952-2>
- Sidek, B. (2003). *Globalisasi dan cabaran pendidikan*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Sl, M., Hanakeri, P. A., & Aminabhavi, V. A. (2016). Impact of gadget on emotional maturity, reasoning ability of college students. *International Journal of Applied Research*, 2(3), 749-755.
- Soh P. C. H., Koay K. Y., & Lim V. K. G. (2018). Understanding cyberloafing by



- student through the lens of an extended theory of planned behaviour. *First Monday*, 23(6), 1-18. <http://dx.doi.org/10.5210/fm.v23i6.7837>
- Suhid, A. (2005). Pemantapan komponen akhlak dalam pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 3(2), 95-104.
- Suriati Abdul Gani. (2016). Parenting digital natives: Cognitive, emotional and social development challenges. *International Conference on Education*, 870-880.
- Suzyliaana Mamat. (2016). Tahap kecerdasan emosi dalam kalangan remaja di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial*, 1(1), 115-136. <https://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/55>
- Tomayo, J. D., & Dela Cruz G. S. G. (2014). The relationship of social media with thw academic performance of science technology students of Centro Escolar University-Malolos. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 4(5), 1-10.
- Verma, P., & Arora, N. (2019). Understanding relationship between Internet addiction and emotional intelligence with reference to Delhi-NCR Region. *Indian Journal of Public Health Research & Development*, 10(4), 191-196. <http://dx.doi.org/10.5958/0976-5506.2019.00688.0>
- Yaacob, H., & Othman, A. J. (2007). Dunia pendidikan dalam era globalisasi: Peranan dan cabaran. *Masalah Pendidikan*, 30(1), 142-149.
- Young, K. S. (1998). Internet addiction: The emergence of a new clinical disorder. *CyberPsychology and Behaviour*, 1(3), 237-244. <https://doi.org/10.1089/cpb.1998.1.237>
- Zahiruddin, O., & Chung, W. L. (2017). Internet addiction and depression among college students in Malaysia. *International Medical Journal*, 24(6), 447-450.

